

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pendahuluan**

Bab ini membahaskan metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini bagi membantu pengkaji mencapai matlamat kajian. Perbincangan ini meliputi pelbagai perkara iaitu reka bentuk kajian, kaedah kajian, peserta kajian, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data, prosedur analisis data serta kesahan dan kebolehpercayaan.

#### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini akan menggunakan reka bentuk kajian kualitatif bagi mengkaji latar belakang pembangunan MPQBM dan menganalisis kualiti MPQBM dari aspek kualiti kandungan dan potensi keberkesanan modul. Selain itu, kajian turut menganalisis penerimaan MPQBM oleh guru-guru al-Quran Braille terhadap pembelajaran al-Quran. Sesuai dengan kajian, maka kombinasi pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan kaedah dokumen analisis dan temu bual bagi mendapatkan gambaran yang lebih mendalam tentang isu yang sedang diselidiki (Ruenwai, 2006; Creswell, 2009; Neuman, 2011).

Kaedah ini sesuai bagi mengumpul dan menganalisis data dalam kajian yang dijalankan. Menurut Zanaton et al. (2016) dan Robson (2011), kajian kualitatif menekankan kepada penerokaan dan penyesuaian proses yang bersifat holistik, reka bentuk yang berkembang, menggunakan persampelan bertujuan, pengumpulan data

dalam latar yang sebenar, penyelidik sebagai instrumen, strategi kajian secara induktif dan pelaporan hasil kajian dalam bentuk naratif yang panjang. Tambahan pula, penyelidikan kualitatif dan kuantitatif mempunyai perbezaan dalam jenis data yang dikumpulkan (Kamarul Azmi, 2012). Ini kerana kajian kualitatif menghasilkan dapatan yang tidak dapat diperoleh daripada kaedah kuantitatif seperti kehidupan manusia, pengalaman hidup, pemahaman manusia, emosi dan perasaan atau berkaitan dengan fungsi organisasi, tingkah laku, fenomena budaya dan hubungan antarabangsa (Strauss & Corbin, 1998).

Bagi mengenal pasti latar belakang MPQBM, pengkaji menggunakan kaedah analisis dokumen iaitu bahan bacaan berkaitan proses pembangunan MPQBM dianalisis bagi mendapatkan gambaran tentang proses binaannya. Creswell (2009), berpendapat bahawa analisis kandungan dokumen merupakan salah satu kaedah khusus yang digunakan dalam penelitian kualitatif. Antara kelebihan teknik analisis kandungan dokumen adalah; i) membolehkan pengkaji menganalisis nilai dan mengenal pasti maklumat yang terdapat dalam dokumen tersebut, ii) membantu pengkaji untuk mengetahui kaedah yang telus kerana skema pengkodan dan prosedur pengambilan sampel boleh ditetapkan dengan jelas (Nell & Marla, 2011). Pengkaji juga menggunakan sumber triangulasi untuk meningkatkan tahap kepercayaan terhadap data yang dikumpul, dengan melibatkan sumber data oleh temu bual. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual dengan menemu bual dua orang panel pengubal modul yang mempunyai pengalaman dalam melibatkan diri dalam membangunkan MPQBM. Penggabungan daripada pelbagai sumber maklumat ini merupakan pendekatan triangulasi yang boleh meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan daripada penelitian ini (Kamarul Azmi, 2012; Golafshani, 2003;

Creswell,2008).

Seterusnya, pengkaji juga akan menggunakan kaedah temu bual bagi menganalisis kualiti modul dan penerimaan MPQBM dalam kalangan guru al-Quran Braille. Hal ini bagi mengetahui penambahbaikan yang perlu dilaksanakan dalam MPQBM. Sebagaimana yang dicadangkan oleh Teemer (1993) iaitu data kualitatif yang diperolehi daripada pakar perlu diorganisasi dan disusun secara berstruktur untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang bahagian-bahagian yang perlu dibaiki. Oleh itu, kajian penilaian ini sesuai menggunakan pendekatan kualitatif kerana pengumpulan data kualitatif mempunyai reka bentuk dapatan yang berkembang serta mampu menghasilkan pelbagai data daripada gambaran yang sebenar (Zanaton et. al, 2016 & Othman, 2007).

### **3.3 Kaedah Kajian**

Kajian ini menggunakan dua kaedah iaitu kaedah analisis dokumen dan temu bual. Analisis dokumen dipilih bagi menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu apakah latar belakang pembangunan MPQBM. Penggunaan analisis dokumen dilihat sebagai kaedah yang fleksibel kerana boleh diterapkan dalam pelbagai jenis dokumen yang tidak berstruktur. Di samping itu, kaedah ini membolehkan pengumpulan maklumat berkaitan kelompok atau situasi yang sukar diakses (Jain Chee, 2017). Proses analisis dokumen dimulai dengan membaca teks pada setiap helaian dalam MPQBM untuk menemukan konsep dan pola yang relevan dengan persoalan kajian. Walau bagaimanapun, jika pengkaji menemui konsep atau pola baru yang dianggap penting untuk kajian, persoalan kajian boleh diubah (White & Marsh, 2006)

Manakala kaedah temu bual dijalankan bagi menjawab persoalan kajian yang

kedua iaitu bagaimanakah kualiti MPQBM dan persoalan kajian ketiga iaitu bagaimanakah penerimaan guru al-Quran Braille di Malaysia terhadap MPQBM. Manakala, ia juga digunakan untuk triangulatur data bagi persoalan kajian pertama. Seidman (2006), menyatakan bahawa kaedah temu bual adalah kaedah yang paling sesuai dengan kemampuan manusia dalam memberikan makna melalui ucapan bahasa dan ini membolehkan pengkaji untuk mendapatkan data dan maklumat secara langsung (Noraini, 2010; Robson, 2002)

Terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual berstruktur, temu bual separa struktur dan temu bual tidak berstruktur (Merriem, 1998). Pengkaji akan menjalankan temu bual separa struktur terhadap peserta kajian bagi mendapatkan maklum balas berkaitan kajian yang dijalankan. Soalan kajian yang ingin diutarakan akan diubah suai dan disusun mengikut urutan tertentu supaya peserta dapat memahami dengan baik. Tujuan temu bual dilakukan adalah untuk mendapatkan penjelasan tentang hal-hal berkaitan dengan penyelidikan. Hal ini sangat penting kerana pengkaji boleh bertanya sendiri dengan peserta kajian secara dalam talian dengan lebih mendalam mengenai kajian ini. Tambahan pula, peserta kajian juga boleh bertanya kepada penemu bual secara langsung jika terdapat kesamaran dalam soalan yang diberi. Sebagai contoh, transkripsi temu bual peserta kajian boleh dirujuk pada ( Lampiran D).

#### **3.4 Peserta Kajian**

Pemilihan peserta kajian adalah berdasarkan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang mengambil kira limitasi masa, kebenaran untuk akses ke lapangan kepada aspek yang merangkumi keperluan memenuhi persoalan kajian, bersedia untuk bekerjasama dan dapat memberikan maklumat yang diperlukan secara

terperinci serta mendalam (Merriam, 2009; Mason, 2002; Patton, 2001; Miles dan Huberman 1994). Oleh demikian, bagi menjawab persoalan kajian pertama pengkaji akan memilih dua orang pakar dalam kalangan pengubal modul MPQBM yang terdiri daripada seorang ahli akademik dan seorang ahli OKU MP bagi mendapatkan maklumat terperinci mengenai MPQBM. Seterusnya, pengkaji juga memilih 6 orang guru al-Quran Braille untuk mencapai persoalan kajian kedua dan ketiga. Bilangan peserta yang ditemu bual dalam kajian kualitatif tidak menjadi masalah kerana tiada peraturan khusus yang boleh digunakan untuk menentukan ukuran sampel dalam temu bual (Connaway & Powell, 2010). Mereka dipilih berdasarkan kepada dua kategori iaitu guru tipikal dan guru MP dan kedua-duanya pilihan ini menggunakan MPQBM. Pemilihan dibuat supaya pengkaji dapat mengetahui kualiti modul dan penerimaan modul dari segi mesra pengguna terhadap kedua-dua guru tersebut.

### **3.5 Instrumen Kajian**

Setiap kajian perlu mempunyai protokol tersendiri termasuk instrumen kajian, prosedur dan peraturan am yang perlu dipatuhi (Yin, 2009). Instrumen kajian ialah alat yang digunakan untuk mengumpulkan data sesuai dengan tujuan kajian yang ingin dicapai pengkaji. Oleh itu, instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah protokol temu bual dan analisis dokumen.

### **3.6 Protokol Temu bual**

Protokol temu bual ialah kaedah pengumpulan data yang melibatkan soal jawab antara pengkaji dan peserta dengan tujuan memperolehi jawapan atau tanggapan tentang sesuatu isu tertentu (Robson, 2002). Protokol temu bual akan digunakan bagi menjawab persoalan kajian berkaitan latar belakang MPQBM dan kualiti MPQBM.

Pengkaji menggunakan protokol temu bual separa struktur untuk mendapatkan data. Dalam penelitian ini, pembinaan protokol temu bual dibina berasaskan kepada kerangka konseptual kajian, kajian kepustakaan serta persoalan kajian. Protokol temu bual mendalam disediakan sebagai garis panduan kepada pengkaji supaya lebih fokus untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam kajian. Bagi menjawab persoalan kajian kedua dan ketiga berkaitan kualiti modul, pengumpulan data temu bual dijalankan terhadap 6 orang guru al-Quran Braille yang terdiri daripada guru tipikal dan guru MP. Pengkaji akan mengadaptasi protokol temu bual berdasarkan kajian lepas dengan menggunakan teori penilaian kualiti modul dari Ang Chai Tin & Lee Lay Wah (2016).

Seterusnya, bagi menjawab persoalan kajian pertama berkaitan latar belakang pembangunan MPQBM, pengkaji menggunakan protokol temu bual dengan menemubual panel pengubal yang terlibat dalam pembangunan MPQBM. Soalan bagi protokol temu bual ini dibina sendiri oleh pengkaji. Contoh protokol temu bual boleh merujuk pada (Lampiran A). Kemudian, kedua-dua protokol temu bual ini disahkan oleh dua ahli pakar iaitu pakar modul dan pakar dalam al-Quran Braille, dengan tujuan untuk melihat kesesuaian dengan aspek yang dibincangkan dalam kajian ini. Penambahbaikan telah dilakukan mengikut kesesuaian soalan berasaskan objektif yang telah ditetapkan. Setelah itu, cadangan penambahbaikan protokol temu bual dilakukan dan disemak semula oleh pakar penilai. Pengkaji juga mengemukakan soalan susulan berdasarkan maklum balas jawapan yang dijelaskan oleh peserta kajian (Strauss & Corbin 1998). Ia bertujuan untuk mendapatkan data-data yang mendalam dan terperinci serta berupaya menjawab persoalan kajian.

### **3.7 Analisis Dokumen**

Taylor dan Bogdan (2015), menjelaskan terdapat tiga jenis dokumen iaitu; dokumen rasmi, dokumen peribadi dan dokumen budaya. Melalui analisis dokumen, kajian dapat mengukuhkan, menambah dan membandingkan data yang diperolehi melalui temu bual. Kajian ini akan menganalisis dokumen bagi mendapatkan data triangulasi bagi mengukuhkan kajian. Dalam konteks kajian ini, pengkaji akan mendapatkan MPQBM dari pihak berkenaan. Seterusnya, pengkaji akan menerokai dan meneliti maklumat yang terdapat dalam MPQBM dari segi konsep, kandungan teks, tema dan grafik yang terdapat dalam modul tersebut. Oleh itu, dapatan yang diperolehi melalui analisis dokumen ini digunakan untuk mengukuhkan dapatan melalui temu bual dan dapat seterusnya mengenal pasti jika terdapat data-data baharu yang berkaitan dengan kajian ini.

### **3.8 Prosedur Pengumpulan Data**

Perancangan yang teliti perlu dilaksanakan sebelum memulakan proses pengumpulan data. Secara ringkas, terdapat beberapa langkah yang harus diikuti oleh setiap pengkaji untuk memastikan proses pengumpulan data dijalankan dengan lancar. Pertama, pengkaji perlu mengenal pasti terlebih dahulu masalah dan tujuan dalam pengumpulan data. Seterusnya, pengkaji harus memilih sumber data (peserta kajian) dan kaedah kajian dengan mengambil kira aspek batasan waktu, jarak, tenaga dan anggaran kewangan yang perlu tersedia untuk penyelidikan ini (Creswell, 2008; Mohd Majid Konting, 2000).

Seterusnya, beberapa langkah akan dilaksanakan oleh pengkaji bagi memastikan proses temu bual berlaku dengan lancar. Antara langkahnya adalah;

pertama, menyediakan surat kebenaran dan iringan yang berkaitan serta membuat temu janji untuk menetapkan tarikh dan masa. Sebelum melaksanakan temu bual, pengkaji menerangkan tujuan dan tempoh waktu untuk ditemu bual serta meminta izin untuk merakam temu bual tersebut bagi memastikan ketepatan data dapat diambil dan memastikan perjalanan temu bual dilaksanakan dengan teratur. Pengkaji juga akan memberikan modul MPQBM dan protokol temu bual terlebih dahulu kepada peserta kajian untuk dinilai dari aspek kualiti modul sebelum sesi temu bual dijalankan. Ia bertujuan melancarkan proses pengumpulan data dan dapat mengelakkan daripada pengulangan soalan yang akan merumitkan serta menjimatkan masa.


Langkah kedua adalah ketika temu bual dijalankan. Dalam proses ini, alat perakam suara akan digunakan untuk merakam perbualan antara pengkaji dan peserta kajian. Pengkaji akan memastikan perakam suara dalam keadaan baik sebelum rakaman dibuat. Selain itu, pengkaji juga akan membuat catatan isi perbincangan tersebut. Temu bual akan dimulakan dengan soalan-soalan ringkas bagi mewujudkan hubungan baik dan dapat menghilangkan rasa kekok antara kedua belah pihak (Bogdan & Biklen, 2003). Keadaan selesa yang dihasilkan akan melancarkan sesi temu bual. Di samping itu, penting bagi pengkaji untuk memastikan peserta kajian bahawa setiap perbualan hanya digunakan bagi keperluan kajian sahaja dan akan dijaga kerahsiaannya. Pengkaji juga akan memaklumkan kepada peserta kajian untuk memberikan jawapan dan perspektif yang jujur dan terbuka dalam menjawab soalan supaya dapat diberikan manfaat kepada kedua-dua belah pihak serta generasi akan datang.

Pengkaji akan memastikan setiap persoalan yang tidak jelas akan dijelaskan

dengan terperinci semasa sesi temu bual. Manakala, soalan lanjutan juga akan diutarakan berdasarkan jawapan peserta bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas dan mendalam. Peserta diberi kebebasan untuk menyuarakan pendapat mereka. Sesi temu bual ini bersifat fleksibel, membolehkan peserta kajian menghuraikan idea mereka dengan lebih teratur dan kemas. Butiran soalan yang dirangka adalah sebagai rujukan untuk temu bual sahaja kerana pengkaji sendiri akan terlibat secara langsung dalam aktiviti temu bual tersebut.

### 3.9 Prosedur Analisis Data

Dalam kajian ini, pengkaji akan menganalisis data menggunakan kaedah analisis tema, iaitu data yang ditemui akan dikodkan dan dikategorikan berdasarkan perkara yang dikaji dengan menggunakan aplikasi ATLAS.ti. Perisian ATLAS.ti ini telah dibangunkan khusus untuk penyelidikan yang berasaskan pendekatan Grounded Theory (Silverman, 2000). Kategori data temu bual adalah seperti Rajah 3.1 di bawah:-




Sumber: Othman Talib (2013)

**Rajah 3.1:** Prosedur penganalisis data

Proses penganalisan data perlu dirancang dan dijalankan dengan teratur mengikut beberapa peringkat dalam menganalisis data iaitu dengan mengumpulkan data di dalam fail projek untuk menyimpan P-docs (Prime Documents) yang terlibat dalam kajian sama ada teks, audio dan visual. Seterusnya, data yang berbentuk temu bual akan ditranskripsikan ke dalam komputer bagi memudahkan pengkaji untuk lebih fokus membaca dan menilai data. Pengkaji membaca keseluruhan teks berulang kali untuk mendapatkan kefahaman dan gambaran data yang dikumpul. Pengkaji akan menulis catatan dan menandai bahagian yang tertentu pada setiap kali pembacaan.

Tambahan itu, pengkaji meneruskan analisis data dengan melakukan pengekodan. Data yang diperolehi akan diberikan kod yang relevan sesuai dengan tujuan dan persoalan kajian. Pengekodan ialah proses pengaturan dan penyusunan data yang telah dikumpul daripada hasil data temu bual. Tujuannya adalah untuk memberi label dan menyusun data asal yang telah diperolehi. Setelah itu, hasil data temu bual kajian ini akan dikategorikan dalam kelompok yang sama, sama ada tersirat atau tersurat. Seterusnya, ia akan disusun bagi membawa tema yang lebih luas dan jelas. Kemudian, analisis akan dijalankan selepas pengekodan selesai untuk membuat kesimpulan dan generalisasi untuk menjawab persoalan kajian. Pengkaji membuat tafsiran terhadap kod atau tema dengan lebih jelas berkenaan dapatan kajian. Langkah yang terakhir pengkaji perlu menyemak semula dapatan dan seterusnya menginterpretasikan dapatan kajian. Rajah 3.2 menunjukkan gambaran secara ringkas kerangka metodologi kajian:-




**Rajah 3.2:** Metodologi Kajian

### 3.10 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Menurut Azizi et al. (2010), kesahihan data perlu dijalankan oleh pengkaji terhadap data yang dikumpulkan untuk memastikan data tersebut dapat memberikan maklumat serta pengukuran yang tepat dalam penyelidikan. Bahkan strategi pengesahan dapatan adalah komponen penting dalam kajian kualitatif (Merriam, 2001). Oleh itu, pengkaji perlu menjalankan proses kesahan dan kebolehpercayaan data. Dalam kajian ini, kesahan dan kebolehpercayaan diperolehi melalui beberapa langkah iaitu pengesahan inventori soalan separuh berstruktur oleh penyelia dan pakar bidang, triangulasi data, pengesahan pakar terhadap tema yang dibina serta pengesahan pakar dan pencapaian penilaian pakar terhadap tema melalui *Cohen Kappa*. Rajah 3.3

menunjukkan gambaran prosedur bagi meningkatkan kesahan dan kebolehgunaan kajian ini.



**Rajah 3.3:** Prosedur Meningkatkan Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian

Antara salah satu prosedur meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap data yang diambil oleh pengkaji adalah dengan melakukan pengesahan dan persetujuan peserta kajian temu bual. Ia bertujuan untuk mengesahkan ketepatan dan kebenaran maklumat dan laporan kajian (Merriam 2009; Othman 2007). Setelah transkrip teks temu bual selesai dilakukan pengkaji menyerahkan salinan tersebut kepada peserta kajian untuk menyemak semula isi perbualan dan maklumat yang dianalisis seperti cadangan Creswell (1998) dan Miles dan Huberman (1994). Peserta kajian akan membuat penambahan atau membetulkan fakta yang tersilap dan seterusnya menandatangani teks transkrip tersebut sebagai pengesahan. Dengan melalui proses tersebut dapat menjadikan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap data ditingkatkan (Norakyairee, 2019).

Selain itu, pengkaji menjalankan triangulasi antara temu bual dan analisis dokumen bagi mengukuhkan lagi kebolehpercayaan data dan tema yang dibina. Menurut Wiersma (1991) dan John Van Maanen (2019), triangulasi data ialah salah satu cara bagi menjadikan data kualitatif mempunyai kesahan yang tinggi. Dalam konteks kajian ini, analisis dokumen melibatkan analisis MPQBM tidak boleh berdiri sendiri sebagai data sokongan jika tidak disandarkan bersama data temu bual. Penggunaan teknik triangulasi bukan sahaja menyokong dan menambahkan bukti melalui pelbagai sumber lain, malah membantu mengesahkan maklumat yang terdapat daripada hasil temu bual (Marohaini, 2001).

Seterusnya, pengkaji menjalankan pengesahan pakar terhadap tema yang dibina melalui *Cohen Kappa*. Setelah semua hasil transkrip disahkan oleh peserta kajian, pengkaji menyusun data dan mengeluarkan tema dapatan kajian dengan menggunakan perisian Atlas-Ti. Pengkaji menyediakan satu borang persetujuan pakar untuk mendapatkan pengesahan tema yang dibina pada Lampiran F. Ia bertujuan melihat ketepatan istilah dan menilai kesesuaian tema, sub tema dan sub-sub tema yang telah dibentuk hasil daripada data temu bual. Persetujuan pakar terhadap tema yang dibina adalah penting untuk mencapai tahap pengukuran *Cohen Kappa* yang tinggi bagi menentukan kebolehpercayaan data kajian yang tinggi (Cohen et al., 2000).

Analisis indeks *Cohen Kappa* digunakan dengan memadankan unit daripada data temu bual dengan tema yang dominan. Dua orang pakar yang mahir dalam bidang kajian dilantik untuk menjadi *interater* terhadap tema yang dibina. Pakar-pakar tersebut mempunyai pengalaman dalam menghasilkan penulisan ilmiah secara kajian kualitatif. Contoh surat lantikan pakar kajian di dalam lampiran E. Manakala, maklumat pakar yang dirujuk bagi pengesahan tema temu bual kajian seperti Jadual 3.1 di bawah:

**Jadual 3.1:** Senarai pakar analisis persetujuan pembinaan tema data kualitatif

Bil.	Nama	Jawatan	Kepakaran	Tahap Persetujuan ( <i>Cohen Kappa</i> )
1	Pakar A	Pensyarah Kanan	Pendidikan Islam	0.85
2	Pakar B	Pensyarah Kanan	Pengurusan Maklumat Islam	0.94

Persetujuan bagi setiap pakar bagi kod-kod unit dicatat. Berdasarkan pengiraan yang dibuat bagi kedua-dua pakar mendapati indeks pekali *Cohen Kappa* adalah 0.90 ( $k=0.90$ ), iaitu pada tahap yang sangat baik. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3.2 di bawah, hasil penilaian pakar menunjukkan bahawa tema yang dibina mencapai tahap pengukuran *Cohen Kappa* yang melebihi 0.9, yang merupakan tahap yang sangat tinggi.

**Jadual 3.2:** Indikator Tahap Persetujuan Cohen Kappa

Indikator	Nilai <i>Cohen Kappa</i>
Rendah	< 0.30
Sederhana	0.30 – 0.69
Tinggi	0.70 – 0.89
Sangat tinggi	> 0.90

Hasil daripada pencapaian tahap persetujuan yang sangat tinggi terhadap penilaian *Cohen Kappa* dapat membuktikan bahawa data kajian dapat menentukan kebolehpercayaan yang tinggi.

### 3.11 Penutup

Keseluruhan bab ini telah menjelaskan metodologi kajian yang merangkumi reka bentuk kajian, kaedah kajian, peserta kajian, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data, prosedur analisis data dan akhir sekali kesahan dan kebolehpercayaan. Semua data yang dikumpulkan dan dianalisis akan dipaparkan dengan jelas dalam bab berikutnya.